

Headline	WI Pahang tuan rumah ACWW Ke-30		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	04 Oct 2022	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	19	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	391 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,327
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 6,981



## WI Pahang tuan rumah ACWW Ke-30



**RAJA** Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah -Iskandariah berkenan beramah mesra bersama pempamer pada Majlis Penutup Simposium Tekstil Tradisional ASEAN Ke-8, semalam.

• Foto BERNAMA

**KUALA LUMPUR:** Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Pahang (WI) akan menjadi tuan rumah Persidangan Persatuan Wanita Desa Sedunia ke-30 (ACWW) yang akan berlangsung 17 hingga 25 Mei tahun depan.

Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah yang juga Tuanku Pengerusi WI Pahang bertitah, WI Pahang telah membida di persidangan ke-28 di Warwick University United Kingdom dan persidangan ke-29 di Melbourne, Australia untuk menjadi tuan rumah persidangan ke-30 di Kuala Lumpur.

"Persidangan sepatutnya berlangsung di Pahang, tetapi oleh kerana saya di sini ia dibawa ke sini (Kuala Lumpur) dan akan diadakan di Putrajaya Marriott Hotel," titah Seri Paduka pada sidang media bersama rakan strategik persidangan itu di Rumah Kelab, Istana Negara di sini semalam.

Tunku Azizah bertitah persidangan tersebut akan dihadiri kira-kira 500 ahli ACWW dari seluruh dunia.

Anakanda Tunku Azizah yang juga Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanah Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dijangka menyampaikan ucapan pada persidangan tersebut.

Seri Paduka juga bertitah selain sesi persidangan, antara program yang akan diadakan ialah lawatan sehari antaranya ke Kompleks Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia, Gombak; Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, Kepong; Institut Kraf Negara, Rawang dan University Multimedia Cyberjaya.

Program lain ialah Jamuan Makan Malam yang akan memperkenalkan makanan Malaysia dan juga persembahan kebudayaan pelbagai kaum di negara ini.

Julai lepas, Tunku Azizah berkenan merasmikan Persidangan Ke-13 ACWW bagi kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh, di Kuching, Sarawak.

Persidangan tersebut bertujuan membina rangkaian kerja serta kolaborasi dalam kalangan wanita di dalam dan luar negara, di samping mempelajari serta berkongsi pengetahuan menerusi sidang pleno serta lawatan pendidikan.

Tunku Azizah sebelum ini pernah memegang jawatan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Bangsa-Bangsa Bersatu ACWW dan Pengerusi Serantau untuk Asia Tenggara dan Timur Jauh.

Pada persidangan 2019 di Melbourne, Australia Tunku Azizah telah dicalonkan untuk bertanding jawatan World President, bagaimanapun oleh kerana Seri Paduka telah dimasyhurkan sebagai Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah telah menarik diri.

— Bernama